

NO. SOALAN: 156

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kes-kes ceraian sivil dan hak penjagaan anak di mana salah seorang suami atau isteri memeluk agama Islam.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2009 Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] bagi menyelesaikan

masalah yang timbul apabila seorang daripada sepasang suami isteri bukan Islam memeluk Agama Islam.

Walau bagaimanapun, memandangkan ketiga-tiga rang undang-undang tersebut **melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri** serta menyentuh kepentingan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam, maka Kerajaan sedang mencari mekanisma terbaik bagi menyelesaikan masalah tersebut, dengan mengambil kira kedudukan kedua-kedua mahkamah sivil dan Syariah.

Sekian, terima kasih.